

**Kuliah Maghrib Ustaz Ramadan – 26/11/2007**

- Dari Abdullah ibnu Abbas – Suatu hari Abdullah berada dibelakang Nabi Muhammad s.a.w, yakni ketika menaiki unta, dimana Abdullah ketika itu masih kanak-kanak lagi, Nabi berkata pada Abdullah “jagalah Allah” yang bermaksud peliharalah sempadan sempadan yang Allah perintahkan yakni peliharalah yang halal dan jauhkan yang haram, tak kiralah samada ketika kamu bersendirian ataupun berkumpul;
- Kita hendaklah menjaga hak-hak Allah ketika kaya dan miskin dan sekiranya kita ada sebarang permintaan atau pertolongan maupun permohonan maka mohonlah kepada Allah;
- Jika menjaga hak-hak Allah nescaya Allah akan turut menjaga hak-hak kita.
- Agama yang mulia ini akan hancur apabila diserahkan kepada 3 golongan ini:-
  1. Golongan yang menghalalkan perkara perkara yang haram dan mengharamkan perkara perkara yang halal; contohnya seperti muzik ataupun hiburan dimana pengharamannya bukan terletak pada alat-alat muzik itu tetapi bagaimana alat-alat muzik itu digunakan. Muzik hukumnya harus pada asalnya tetapi ianya akan menjadi haram apabila bermain alat alat muzik sehingga meleakakan dan melalaikan kita pada Allah. Ianya ditambah jika ada percampuran diantara kaum lelaki dan perempuan dalam sesuatu acara yang melibatkan alat muzik tersebut sehingga menyebabkan ada unsur unsur kemaksiatan;
  2. Golongan yang menyelewengkan riwayat-riwayat dan fakta. Mereka ini membawa riwayat riwayat palsu dan dongeng sehingga berlakunya penceramukan pemikiran umat umat Islam;
  3. Golongan yang mentafsirkan sesuatu adalah golongan yang jahil. Mereka ini mentafsirkan agama tanpa ilmu yakni tanpa merujuk kepada kitab-kitab, hadis-hadis dan sebagainya. Kita membenarkan sesiapa saja mentafsirkan al-quran dan sunnah mengikut selera masing-masing;

Catatan diambil mengikut kefahaman pencatat : Norhanizah Mohamad